



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5 /2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telahpun memperkenankan bagi semua baki simpanan Elaun Sara Hidup berserta pulangan-pulangannya untuk dikeluarkan dan dibayar kepada semua Pegawai dan Kakitangan yang berkenaan mulai **bulan Julai 2012**.

2. Sehubungan dengan perkara di atas, pembayaran simpanan-simpanan **Elaun Sara Hidup** berserta pulangannya akan dilaksanakan seperti berikut:

- 2.1 Bagi pengiraan pulangan kepada baki simpanan dikemaskinikan berasaskan jumlah simpanan terkumpul pada setiap penghujung tahun dan bukannya berasaskan jumlah simpanan yang dikreditkan pada satu-satu tahun berkenaan sahaja.
- 2.2 Bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan bergaji bulan, simpanan Elaun Sara Hidup akan dibayar pada tarikh pembayaran gaji Perkhidmatan Awam bagi bulan Julai 2012.
- 2.3 Bagi kakitangan dalam perkhidmatan bergaji hari, simpanan Elaun Sara Hidup akan dibayar pada 30 Julai 2012.
- 2.4 Manakala bagi kakitangan ambilan tempatan di pejabat-pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri akan dibayar pada 30 Julai 2012, dan akan dikendalikan oleh pejabat-pejabat perwakilan masing-masing.
- 2.5 Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang telahpun bersara atau menamatkan perkhidmatannya sebelum Surat Keliling ini dikuatkuasakan, jika terdapat sebarang perbezaan bayaran dividen berikutan pengiraan semula yang akan dibuat seperti diperenggan 2.1 di atas, pembayarannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai 1 Ogos 2012, iaitu tertakluk kepada pengesahan maklumat-maklumat daripada Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan.



-2-

3. Elaun Sara Hidup yang akan dikeluarkan adalah dipersyaratkan untuk menjelaskan terlebih dahulu mana-mana hutang yang tertunggak kepada Kerajaan, jika ada, sebelum simpanan Elaun Sara Hidup dibayar kepada pegawai berkenaan. Perkara ini adalah khusus bagi hutang yang tertunggak sahaja, dan tidak termasuk tuntutan bagi bayaran pinjaman kereta dan pinjaman rumah yang mana pembayarannya adalah mengikut jadual yang telah dipersetujui diantara Kerajaan dan pegawai berkenaan.
4. Ketua-Ketua Jabatan adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya bagi mengesahkan bahawa data-data pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan masing-masing adalah betul dan teratur.
5. Bagi memastikan Jabatan Perbendaharaan dapat mengeluarkan pembayaran simpanan Elaun Sara Hidup berserta pulangan-pulangan kepada semua pegawai dan kakitangan pada bulan Julai 2012 sebagaimana dirancang, pihak Kementerian dan Jabatan hendaklah menghadapkan data-data berkenaan tidak lewat dari **30 Mac 2012**.
6. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai **7 Mac 2012**.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

'KELUARGA HARMONI MASYARAKAT TERPUJI'

(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HJ ABDUL SALAM)

Setiausaha Tetap
abdoh.salam@jpm.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (5) JPM/SK/2012
Tarikh : **19** Rabiulakhir 1433
12 Mac 2012